



اَوْنُو تِكْنُوْلُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

LAPORAN DWITAHUNAN

JULAI HINGGA DISEMBER 2020

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA

@Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) terlebih dahulu.

All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval systems, without permission in writing from Institute of Quality and Knowledge Advancement (InQKA).

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

Aras 5, Blok A,

Kompleks Al-Farabi,

Universiti Teknologi MARA,

40450 Shah Alam,

Selangor

Laman Web: inqka.uitm.edu.my

Emel: inqka@uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

ISSN: 2710 – 6802

Penasihat	: Profesor Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Editor	: 1) Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah 2) Dr. Zailah Abd Aziz 3) Dr. Rasidah Hamid 4) Prof. Madya Dr. Kamarularifin Abd Jalil
Sekretariat	: 1) Puan Nur Ayuni Salim 2) Encik Mohammad Shafiq Mustapa
Konsep dan Susun Atur	: Puan Noor Sazila Md Sarip
Reka Bentuk Kulit	: Encik Muhamad Zanjabil Mat Janum
Muka Surat	: 145 Muka Surat
Dicetak di Malaysia oleh	: Pusat Percetakan Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam Selangor

ISI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.0	Maklumat Umum Unit	3
1.1	Pengenalan	
1.2	Carta Organisasi Unit Jaminan Kualiti Dalam (IQA)	
2.0	Aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Julai - Disember 2020	5
2.1	Perakuan Akreditasi Program yang telah mendapat Pengesahan Senat	
2.2	Penilaian Program Pesisir	
2.3	Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP)	
2.4	Penganjuran Bengkel	
2.4.1	Perancangan Strategik	
2.4.2	Pemantapan Penilaian Panel Penilai	
2.4.3	Penyediaan Carta Alir Proses Akreditasi	
2.4.4	Penyediaan MyPortfolio	
2.4.5	Penyediaan Rubrik	
2.5	Pengurusan Penilaian Program Badan Profesional	
2.6	Penyenaraian Program di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Portal Swaakreditasi (PSA)	
2.6.1	Program Baharu	
2.6.2	Program Deemed Accredited	
2.7	Pengurusan Penerimaan dan Penyerahan Surat & Sijil Akreditasi Program	
3.0	Rumusan Unit Jaminan Kualiti Dalam (IQA)	30
4.0	Latihan yang dihadiri oleh Staf Unit Jaminan Kualiti Dalam (IQA) bermula bulan Julai sehingga Disember 2020	32
5.0	Penutup	33

1.0 MAKLUMAT UMUM UNIT

1.1 PENGENALAN


Unit Jaminan Kualiti Dalam (IQA), Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah membuat pelaporan berkaitan aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Januari sehingga Jun 2020 melalui Laporan Dwitahunan yang telah dihantar ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 28 September 2020.

Jadual ini memaparkan ringkasan penerimaan dokumen sepanjang tahun 2020. Sebanyak 53 permohonan merangkumi permohonan Perakuan Akreditasi Sementara, Perakuan Akreditasi Penuh, Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan, Penambahan dan Pemindahan Lokasi Penawaran Program, Audit Pematuhan dan Pengurusan Program Profesional telah diterima oleh Unit IQA.

Jadual 1: Ringkasan Penerimaan Dokumen Tahun 2020

JENIS PENILAIAN	JANUARI – JUN	JULAI – DISEMBER
Akreditasi Sementara	4	1
Akreditasi Penuh	11	4
Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan	5	2
Penambahan Lokasi Penawaran Program	-	1
Pemindahan Lokasi Penawaran Program	-	5
Program Profesional	8	8
Audit Pematuhan	-	4
JUMLAH	28	25

1.2 CARTA ORGANISASI UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN (IQA)



2.0 AKTIVITI – AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG BULAN JULAI - DISEMBER 2020

Berikut adalah laporan aktiviti mengikut kategori program yang diterima oleh IQA:

1. Perakuan Akreditasi Program yang telah mendapat Pengesahan Senat
2. Penilaian Program Pesisir
 - a) Penilaian Program
 - b) Audit Lokasi
3. Penganjuran Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP)
4. Penganjuran Bengkel
 - a) Perancangan Strategik
 - b) Pemantapan Penilaian Panel Penilai
 - c) Penyediaan Carta Alir Proses Akreditasi
 - d) Rubrik
 - i) Micro-credentials
 - ii) COPPA
 - iii) Audit Pematuhan
 - iv) Audit Penilaian Pematuhan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)
 - v) Penyediaan My Portfolio
5. Pengurusan Penilaian Program Badan Profesional
6. Penyenaraian Program di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Portal Swaakreditasi (PSA)
 - a) Program Baharu
 - b) Program Deemed Accredited
7. Pengurusan Penerimaan dan Penyerahan Surat dan Sijil Akreditasi Program

2.1 PERAKUAN AKREDITASI PROGRAM YANG TELAH MENDAPAT PENGESAHAN SENAT

Pelbagai permohonan akreditasi telah dimajukan kepada Unit IQA termasuk Perakuan Akreditasi Sementara, Perakuan Akreditasi Penuh, Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan, Penambahan dan Pemindahan Lokasi Penawaran Program.

Sebanyak 59 program telah dibentangkan untuk mendapatkan pengesahan Senat bagi tahun 2020. Sepanjang bulan Januari – Jun 2020, sebanyak 41 program telah dibentangkan di Senat seperti yang dilaporkan dalam Laporan Dwitahunan Januari – Jun 2020.

Berikut adalah ringkasan pengesahan perakuan akreditasi mengikut tarikh Mesyuarat Senat bagi enam (6) bulan kedua tahun 2020.

JADUAL 2: MESYUARAT SENAT KE – 261 (13 OGOS 2020)

Jadual 2 (A): Kelulusan Perakuan Akreditasi Sementara

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	IM249	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Kandungan Maklumat	Bachelor of Information Science (Hons.) Information Content Management	Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

Jadual 2 (B): Kelulusan Perakuan Akreditasi Penuh

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	MC702	Sarjana Kewartawanan	Master of Journalism	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA Shah Alam
2.	AS724	Sarjana Sains Mikrobiologi Gunaan	Master of Science in Applied Microbiology	Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam
3.	AS121	Diploma Teknologi Industri Higien dan Keselamatan	Diploma in Industrial Hygiene and Safety Technology	Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi
4.	FF111	Diploma Filem	Diploma in Film	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

5.	FF113	Diploma Teater	Diploma in Theatre	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana
6.	FF114	Diploma Pengurusan Seni	Diploma in Arts Management	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana
7.	FF234	Sarjana Muda Teater (Kepujian) Produksi Teater	Bachelor of Theatre (Hons.) Theatre Production	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana
8.	FF235	Sarjana Muda Teater (Kepujian) Sinografi	Bachelor of Theatre (Hons.) Scenography	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana
9.	FF236	Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif (Kepujian) Pengurusan Seni	Bachelor of Creative Industry Management (Hons) Arts Management	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

JADUAL 3: MESYUARAT SENAT KE – 262 (1 SEPTEMBER 2020)**Jadual 3 (A): Kelulusan Perakuan Akreditasi Sementara**

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	AS239	Sarjana Muda Sains (Kep.) Teknologi Higiene dan Keselamatan	Bachelor of Science (Hons.) Industrial Hygiene Technology and Safety	Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam

Jadual 3 (B): Kelulusan Perakuan Akreditasi Penuh

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	IM775	Sarjana Sains Pengurusan Sistem Maklumat	Master of Science in Information System Management	Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

Jadual 3 (C): Kelulusan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	SR111	Diploma Pengurusan Sukan dan Rekreasi	Diploma in Sports and Recreational Management	1. Universiti Teknologi MARA Shah Alam 2. Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam 3. Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3 4. Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau
2.	SR113	Diploma Pengajian Sukan	Diploma of Sports Studies	1. Universiti Teknologi MARA Shah Alam 2. Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

				3. Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3 4. Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jenka 5. Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau 6. Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Samarahan
3.	SR241	Sarjana Muda Pengurusan Sukan (Kepujian)	Bachelor of Sports Management (Hons.)	1. Universiti Teknologi MARA Shah Alam 2. Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3 3. Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau
4.	SR243	Sarjana Muda Sains Sukan (Kepujian)	Bachelor of Sport Science (Hons.)	1. Universiti Teknologi MARA Shah Alam 2. Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3 3. Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jenka 4. Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau 5. Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Samarahan

JADUAL 4: MESYUARAT SENAT KE – 264 (3 NOVEMBER 2020)**Jadual 4 (A): Kelulusan Perakuan Akreditasi Penuh**

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	IM249	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Kandungan Maklumat	Bachelor of Information Science (Hons) Information Content Management	Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

Jadual 4 (B): Kelulusan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	AP992	Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alambina	PhD in Design and Built Environment	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

Jadual 4 (C): Kelulusan Penambahan Lokasi Penawaran Program

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	IC110	Diploma Muamalat	Diploma in Muamalat	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah

JADUAL 5: MESYUARAT SENAT KE – 265 (1 DISEMBER 2020)

Jadual 5 (A): Kelulusan Perakuan Akreditasi Penuh

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	FF237	Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif (Kepujian) Produksi Filem	Bachelor of Creative Industry Management (Hons.) Film Production	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana
2.	AT222	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Kepujian) Agronomi	Bachelor of Science Agrotechnology (Hons) Agronomy	Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Jasin

Jadual 5 (B): Kelulusan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
1.	AS254	Nama Asal: Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Marin Nama Selepas Semakan: Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Marin Lestari	Nama Asal: Bachelor of Science (Hons.) Marine Technology Nama Selepas Semakan: Bachelor of Science (Hons.) Sustainable Marine Technology	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau

2.2 PENILAIAN PROGRAM PESISIR

Pihak IQA telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan Audit Lokasi bagi program pesisir UiTM yang dikendalikan oleh *Institute of Continuing Education and Profesional Studies* (iCEPS). Sebagai permulaan, pihak iCEPS telah menghantar permohonan Audit Lokasi bagi lapan (8) program dari tiga (3) Fakulti. Kesemua program ini akan dijalankan dengan rakan institusi di Mauritius iaitu *Mauritius Consortium of Education Malaysia* (MCEM). Program-program yang terlibat adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6: Senarai Program Pesisir (*Mauritius Consortium of Education Malaysia* (MCEM))

Fakulti	Program
Fakulti Sains Komputer dan Matematik	i. Diploma Sains Aktuari (CS112) ii. Diploma Sains Komputer (CS110) iii. Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Aktuari (CS242) iv. Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) (CS230) v. Sarjana Sains Data (CS779)
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan	i. Diploma Pengurusan Pelancongan (HM111) ii. Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pelancongan (HM241)
Fakulti Perakaunan	i. Sarjana Perakaunan Forensik dan Kriminologi Kewangan (AC703)

Kesemua program di atas telah memenuhi syarat – syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan MQA bagi membolehkannya ditawarkan di luar negara. Bengkel penilaian dokumen telah dijalankan pada 21 Disember 2020 yang melibatkan 14 orang panel penilai yang mewakili bidang Sains Komputer dan Matematik, Pengurusan Hotel dan Pelancongan dan Perakaunan.

Audit Lokasi akan dijalankan pada 20 Januari 2021. Dapatan dari sesi Audit Lokasi dibentangkan di Mesyuarat JKPPP dan seterusnya diangkat ke Senat. Setelah itu, dapatan Audit Lokasi tersebut akan dihantar ke KPT dan juga MQA.

2.3 MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM (JKPPP)

Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) telah dijalankan sebanyak sepuluh (10) kali sepanjang tahun 2020 dimana tiga (3) mesyuarat dijalankan secara fizikal, dua (2) secara dalam talian dan lima (5) secara hibrid.

Bagi tahun 2020, sebanyak 42 program termasuk pelaporan Audit Penilaian Pematuhan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) telah dibentangkan di Mesyuarat JKPPP sepertimana di Rajah 1.



Rajah 1: Ringkasan Bilangan Program yang Dibentangkan dalam Mesyuarat JKPPP bagi Tahun 2020

Lampiran 1: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program bagi bulan Julai – Disember 2020.

2.4 PENGANJURAN BENGKEL

Unit IQA telah menjalankan beberapa bengkel sepanjang tahun 2020. Kebanyakan bengkel diadakan secara dalam talian melalui Aplikasi Google Meet sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dijalankan. Bengkel – bengkel yang telah dijalankan bermula bulan Julai – Disember 2020 adalah seperti berikut:

2.4.1 Perancangan Strategik

Bengkel Perancangan Strategik merupakan aktiviti wajib yang dijalankan oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM bagi merancang dan menetapkan aktiviti dan halatuju yang akan dijalankan pada tahun berikutnya. Bengkel telah diadakan pada 26 – 28 Ogos 2020 di Hotel LaCrista, Melaka bertemakan *Managing Uncertainty*. Sebagai unit yang berada di bawah pengurusan InQKA, Unit IQA telah merancang dan menetapkan aktiviti yang akan dijalankan pada tahun 2021 semasa bengkel ini dijalankan.

2.4.2 Pemantapan Penilaian Panel Penilai

Bengkel Pemantapan Penilaian Panel Penilai yang diketuai oleh Pengarah IQA dan dibantu oleh Ketua Akreditasi Program telah dijalankan dalam usaha memantapkan penilaian oleh panel penilai khususnya bagi panel penilai dalaman. Bengkel ini menerangkan proses penilaian dokumen program akademik untuk tujuan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Penerangan dilakukan dengan merujuk kepada penggunaan format COPPA yang terkini iaitu COPPA Edisi Kedua yang dikeluarkan oleh pihak MQA, merujuk bersama standard program (jika ada) serta merujuk dokumen standard yang berkaitan.

2.4.3 Penyediaan Carta Alir Proses Akreditasi

Bagi memberi gambaran secara keseluruhan berkaitan proses akreditasi kepada warga UiTM, Unit IQA telah mengadakan bengkel penyediaan Carta Alir bagi semua Proses Akreditasi yang dijalankan. Sebanyak enam (6) Carta Alir telah dihasilkan untuk diletakkan di dalam laman sesawang InQKA, UiTM. Adalah diharapkan Carta Alir ini dapat memberi kefahaman kepada warga UiTM berkaitan proses dan prosedur Akreditasi yang dijalankan oleh Unit IQA.

2.4.4 Penyediaan MyPortfolio

Bengkel Penyediaan MyPortfolio bagi Unit IQA telah diadakan bertujuan untuk mengemaskini proses kerja yang dijalankan oleh staf Unit IQA. Sebagai sebuah unit yang tertakluk kepada ketetapan pengurusan UiTM, kesemua staf IQA perlu menyediakan MyPortfolio yang menjelaskan tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh seseorang staf. Dokumen MyPortfolio yang disediakan akan dirujuk jika berlaku pertukaran staf atau penerimaan staf baharu di IQA. Dengan adanya dokumen MyPortfolio ini, staf baharu yang mengambil alih kerja staf terdahulu akan dapat memahami bidang kerja dan juga tugas dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan mereka. Penyediaan dokumen ini telah berjalan bermula bulan September sehingga November 2020.

2.4.5 Penyediaan Rubrik

i) Micro-credentials

Unit IQA telah mengadakan sebuah bengkel bagi menghasilkan Rubrik Penilaian untuk kursus Micro-Credentials pada 21 September 2020. Penghasilan rubrik penilaian ini dilihat penting sebagai persediaan untuk menerima permohonan penilaian kursus-kursus Micro-Credentials dari Fakulti atau Kampus Cawangan dalam masa terdekat. Rubrik yang dihasilkan adalah berdasarkan Guideline to Good Practices: Micro-Credentials oleh MQA dan juga dokumen COPPA Edisi Kedua.

ii) COPPA

Unit IQA turut mengadakan sebuah bengkel bagi menghasilkan Rubrik Penilaian (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA). Bengkel ini telah menjelaskan tentang COPPA dengan garis panduan penyediaan rubrik untuk akreditasi program akademik. Dalam bengkel ini juga dijelaskan penerangan tentang rubrik COPPA yang merupakan satu panduan dalam memastikan kualiti program telah dipatuhi. Penghasilan rubrik ini khusus tertumpu kepada pengakreditan rubrik dengan menggunakan tujuh bidang penilaian.

iii) Audit Pematuhan

Unit IQA juga telah menganjurkan Bengkel Audit Pematuhan dimana bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan proses akreditasi semula program pengajian yang telah diberikan taraf akreditasi penuh (FA). Penerangan kepada peserta telah diberikan tentang perkara yang akan disemak sewaktu sesi audit ini yang merangkumi kepatuhan program terhadap keperluan MQA, COPPA, sistem kredit dan juga pematuhan kepada syarat khusus yang diberikan untuk dipatuhi berdasarkan keputusan perakuan akreditasi yang lepas. Rubrik audit pematuhan telah dihasilkan dalam bengkel ini berdasarkan ketetapan tersebut agar program yang telah mendapat Akreditasi Penuh dapat mengekalkan,

mempertingkatkan kualiti, standard dan kriteria yang ditetapkan dalam menjamin kualiti program.

iv) Audit Penilaian Pematuhan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)

Satu sesi perbincangan telah diadakan oleh Unit IQA bagi membangunkan Rubrik Penilaian Audit Penilaian Kendiri Pematuhan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU). Inisiatif ini dijalankan dengan mengambilkira Penyelarasan Matapelajaran Wajib kepada MPU di IPT seluruh Malaysia. Kursus pengajian menjadi kursus pelengkap kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam program pengkhususan pelajar. Pelaksanaan rubrik ini berdasarkan kepada Struktur MPU yang melibatkan peringkat Sarjana Muda, Diploma dan Sijil.

2.5 PENGURUSAN PENILAIAN PROGRAM BADAN PROFESIONAL

Sepanjang tahun 2020, Unit IQA telah menerima sebanyak 16 dokumen permohonan penilaian untuk dihantar ke MQA bagi penilaian oleh Badan Profesional yang berkenaan. Ringkasan penerimaan dokumen permohonan penilaian oleh Badan Profesional adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7: Ringkasan Penghantaran Dokumen Penilaian Program Badan Profesional bagi Tahun 2020

BIL	NAMA PROGRAM	JENIS PENILAIAN	LOKASI PENAWARAN	TARIKH PENGHANTARAN
1	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Kepujian)	Akreditasi Sementara	Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh	2 Jun 2020
2	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekatronik (Kepujian)	Akreditasi Sementara	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	
3	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektrik dan Elektronik	Akreditasi Penuh	Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatan Pauh	4 Jun 2020
4.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian)	Akreditasi Sementara	Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi	2 Julai 2020
5.	Sarjana Sains Kesihatan Pergigian Awam	Akreditasi Penuh	Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	
6.	Sarjana Sains Dalam Pergigian			
7.	Doktor Pergigian Klinikal (Periodontologi)			

8.	Doktor Pergigian Klinik (Prostodontik)			
9.	Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)	Akreditasi Penuh	Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	6 Ogos 2020
10.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan Kepujian	Akreditasi Sementara	Fakulti Kejuruteraan Elektrik Universiti Teknologi MARA Shah Alam	
11.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian	Akreditasi Sementara	Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	
12.	Diploma Teknologi Geospasial	Akreditasi Sementara	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	3 September 2020
13.	Sarjana Muda Senibina Dalaman (Kepujian)	Akreditasi Penuh	Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	28 September 2020
14.	Doktor Pergigian Penjagaan Khas	Akreditasi Sementara	Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	28 Oktober 2020
15.	Sarjana Pediatrik			
16.	Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)	Pembaharuan Akreditasi Penuh	Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	

2.6 PENYENARAIAAN PROGRAM DI DAFTAR KELAYAKAN MALAYSIA (MQR) DAN PORTAL SWAAKREDITASI (PSA)

2.6.1 PROGRAM BAHARU

Permohonan penyenaraian program baharu yang telah dibawa ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bermula tahun 2018 sehingga Disember 2020 adalah sebanyak 85 program (Akreditasi Penuh: 61, Akreditasi Sementara: 24).

Sehingga Disember 2020, dari 85 program yang dihantar ke MQA, sebanyak 42 program telah disenaraikan di MQR (Akreditasi Penuh) dan 19 program di PSA (Akreditasi Sementara). Ringkasan penyenaraian program di MQR dan PSA adalah seperti di Jadual 8 dan Jadual 9.

Jadual 8: Ringkasan Penyenaraian Program di MQR bermula Tahun 2018 sehingga Bulan Disember 2020

BIL	NAMA PROGRAM	LOKASI PENAWARAN	TARIKH PENGHANTARAN	NO RUJUKAN MQA	TEMPOH AKREDITASI
1.	Sarjana Sains Teknologi Persekitaran	Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	18 Januari 2018	MQA/SWA 01952	Mulai 8 Jun 2017
2.	Diploma Komunikasi Media Baharu dan Keusahawanan Kandungan	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah	5 April 2018	MQA/SWA 01951	Mulai 14 Disember 2017
3.	Sarjana Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan	Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	22 Mei 2018	MQA/SWA 01423	Mulai 17 Mei 2017
4.	Sarjana Muda Muamalat (Kepujian)	Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	12 Jun 2018	MQA/SWA 0223	Mulai 06 Mac 2018
5.	Sarjana Etika Perubatan dan Perubatan Perundangan	Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	7 Mac 2019	MQA/SWA 2799	Mulai 18 September 2017

6.	Sarjana Sains dalam Sains dan Teknologi Makanan	Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	7 Mei 2019	MQA/SWA 1953	Mulai 21 November 2018
7.	Sarjana Sains Kejuruteraan Mekanikal	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA Shah Alam		MQA/SWA 4934	Mulai 6 Disember 2018
8.	Sarjana Sains Dalam Pendidikan Matematik	Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam		MQA/SWA 12533	Mulai 19 Februari 2019
9.	Sarjana Sains Data	Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Shah Alam		MQA/SWA 8899	Mulai 08 Mac 2019
10.	Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Keusahawanan	Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	24 Oktober 2019	MQA/SWA 13421	Mulai 05 Julai 2019
11.	Sarjana Muda Perniagaan Muzik (Kepujian)	Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	6 Disember 2018	MQA/SWA 01667	Mulai 09 Januari 2018
12.	Asasi Kejuruteraan	Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Dengkil	8 Oktober 2019	MQA/SWA1 3289	Mulai 20 Disember 2018
13.	Asasi Undang-undang	Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Dengkil		MQA/SWA1 3288	Mulai 20 Disember 2018

14.	Asasi Undang-undang KPTM	Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Dengkil		NMQA/SWA 13290	Mulai 20 Disember 2018
15.	Asasi Sains	Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Dengkil		MQA/SWA 13287	Mulai 20 Disember 2018
16.	Asasi TESL	Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Dengkil		MQA/SWA 13291	Mulai 20 Disember 2018
17.	Sarjana Sains Pengurusan Rekod dan Dokumen	Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	8 Oktober 2019	MQA/SWA 1601	Mulai 26 November 2018
18.	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Web)	Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	8 Oktober 2019	MQA/SWA 13293	Mulai 2 6 Disember 2018
19.	Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alambina	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	8 Oktober 2019	MQA/SWA 2932	Mulai 08 Mac 2019
20.	Sarjana Perakaunan Pengurusan Strategik	Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	8 Oktober 2019	MQA/SWA 3045	Mulai 26 Februari 2019
21.	Sarjana Pengimejan Perubatan	Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	8 Oktober 2019	MQA/SWA 13286	Mulai 09 Mei 2019

22.	Sarjana Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran	Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	8 Oktober 2019	MQA/SWA 13296	Mulai 26 Februari 2019
23.	Sarjana Pengurusan Sumber Manusia	Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	8 Oktober 2019	MQA/SWA1 3292	Mulai 01 Mac 2020
24.	Sarjana Muda Pengurusan Budaya Visual (Kepujian)	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	8 Oktober 2019	MQA/SWA1 3295	Mulai 25 Jun 2018
25.	Sarjana Pemulihan Carakerja (Kecacatan Perkembangan)	Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	24 Oktober 2019	MQA/SWA 13422	Mulai 26 Februari 2019
26.	Sarjana Fisioterapi (Muskuloskeletal)	Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	24 Oktober 2019	MQA/SWA 13420	Mulai 26 Februari 2019
27.	Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	20 November 2019	MQA/SWA 13772	Mulai 08 Mac 2019
28.	Diploma Pengurusan Hartanah	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	20 November 2019	MQA/SWA 13767	Mulai 14 Januari 2019
29.	Sarjana Muda Sains Perniagaantani (Kepujian)	Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan	3 Mac 2020	MQA/SWA 12006	Mulai 07 Januari 2020

		Melaka Kampus Jasin			
30.	Diploma Penulisan Skrip	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	3 Mac 2020	MQA/SWA 02121	Mulai 04 Disember 2019
31.	Sarjana Sains Sistem Maklumat Strategik dengan Pengurusan Perniagaan	Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	3 Mac 2020	MQA/SWA 07592	Mulai 04 Disember 2019
32.	Sarjana Sistem Maklumat (Sistem Pintar)	Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA	3 Mac 2020	MQA/SWA0 7593	Mulai 04 Disember 2019
33.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Pembinaan	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	3 Mac 2020	MQA/SWA0 3141	Mulai 04 Disember 2019
34.	Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA Shah Alam	3 Mac 2020	MQA/SWA0 5226	Mulai 24 Oktober 2019
35.	Diploma Seni Pastrri	Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	3 Mac 2020	MQA/SWA0 3901	Mulai 04 Disember 2019
36.	Sarjana Muda Kesihatan dan Kecergasan (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau	3 Mac 2020	MQA/SWA0 1670	Mulai 04 Disember 2019
37.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Kepujian) Teknologi Hortikultur	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau	3 Mac 2020	MQA/SWA0 2392	Mulai 04 Disember 2019
38.	Diploma Akuakultur	Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah	3 Mac 2020	MQA/SWA0 1727	Mulai 04 Disember 2019

39.	Sarjana Komunikasi Profesional	Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	2 Jun 2020	MQA/SWA03019	Mulai 16 April 2020
40.	Sarjana Pengajian Bahasa	Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	2 Jun 2020	MQA/SWA03020	Mulai 16 April 2020
41.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pembinaan	Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	2 Jun 2020	MQA/SWA13978	Mulai 16 April 2020
42.	Sarjana Kewartawanan	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	3 September 2020	MQA/SWA08458	Mulai 13 Ogos 2020

Jadual 9: Ringkasan Penyenaraian Program di PSA sehingga
Bulan Disember 2020

BIL	NAMA PROGRAM	LOKASI PENAWARAN	TARIKH PENGHANTARAN	NO RUJUKAN MQA	TEMPOH AKREDITASI
1.	Diploma Teknologi Industri Higien dan Keselamatan	Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi	22 Mei 2018	MQA/PSA 01941	18 Feb 2019 - 17 Feb 2024
2.	Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Professional	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah		MQA/PSA 11622	22 Nov 2018 - 21 Nov 2023
3.	Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Professional	Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat		MQA/PSA 11623	22 Nov 2018 - 21 Nov 2023
4.	Sarjana Muda Seni Reka Permainan Kreatif (Kepujian)	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam		MQA/PSA 11624	22 Nov 2018 - 21 Nov 2023
5.	Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal (Kepujian)	Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	4 Disember 2018	MQA/PSA 05226	26 Feb 2019 - 25 Feb 2024
6.	Sarjana Muda Sains Perniagaantani (Kepujian)	Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin		MQA/PSA 12006	26 Feb 2019 - 25 Feb 2024
7.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Kepujian) Agronomi	Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin		MQA/PSA 12007	26 Feb 2019 - 25 Feb 2024

8.	Sarjana Muamalat	Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	7 Mei 2019	MQA/PSA 08776	4 Okt 2019 – 4 Okt 2024
9.	Sarjana Pengajian Islam Kontemporari	Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam		MQA/PSA 08777	15 Okt 2019 – 14 Okt 2024
10	Diploma Eksekutif Bahasa Mandarin Komunikasi Profesional	Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	24 Oktober 2019	MQA/PSA 13424	20 Jan 2020 - 19 Jan 2025
11.	Diploma Eksekutif Bahasa Arab Komunikasi Profesional	Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam		MQA/PSA 13423	20 Jan 2020 - 19 Jan 2025
12.	Diploma Eksekutif Pengurusan Pengangkutan dan Penguatkuasaan	Insitut Pengangkutan Malaysia, Universiti Teknologi MARA Shah Alam		MQA/SWA 13425	20 Jan 2020 - 19 Jan 2025
13.	Diploma Produksi Audio Digital	Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	7 November 2019	MQA/PSA 13436	20 Jan 2020 - 19 Jan 2025
14.	Diploma Eksekutif Pengajian Bola Sepak	Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA Shah Alam		MQA/PSA 13435	20 Jan 2020 - 19 Jan 2025
15.	Sarjana Muda Sains (Kep.) Eko-Teknologi	Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam	20 November 2019	MQA/PSA 13771	20 Jan 2020 - 19 Jan 2025
16.	Sarjana Muzik Persembahan	Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA Shah Alam		MQA/PSA 13769	20 Jan 2020 - 19 Jan 2025

17.	Sarjana Sains Informatik Molekul	Fakulti Farmasi, UiTM Kampus Puncak Alam		MQA/PSA 13768	20 Jan 2020 - 19 Jan 2025
18.	Sarjana Industri Budaya dan Kreatif	Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana		MQA/PSA 13770	24/09/2020 - 22/09/2025
19.	Sarjana Sains Keselamatan Siber dan Forensik Digital	Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Shah Alam		MQA/PSA 13773	18/08/2020 - 17/08/2025

2.6.2 PROGRAM DEEMED ACCREDITED

Penilaian Program Deemed Accredited melibatkan 155 program dan 605 lokasi. Permohonan penyenaraian Program Deemed Accredited yang telah dibawa ke (MQA) sehingga Februari 2020 adalah sebanyak 582 lokasi (2018:137, 2019: 431, 2020:14). Sehingga bulan Disember 2020, sebanyak 542 lokasi program telah tersenarai di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

Jadual 10: Ringkasan Penghantaran dan Penyenaraian Program Deemed Accredited di MQR bermula tahun 2018 sehingga Bulan Disember 2020

	BILANGAN LOKASI
Dokumen Program telah Dihantar	582
Program telah Disenaraikan di MQR	542
Bilangan Lokasi yang Belum Tersenarai	40

Maklumat lengkap penyenaraian dan baki belum tersenarai bagi program dan lokasi adalah seperti di **Lampiran 2**. Lampiran 2 menunjukkan senarai lokasi program Deemed Accredited yang telah dihantar untuk penyenaraian tetapi belum tersenarai di MQR.

2.7 PENGURUSAN PENERIMAAN DAN PENYERAHAN SURAT & SIJIL AKREDITASI PROGRAM

Unit IQA telah menerima sebanyak 367 keping Sijil Akreditasi yang terdiri daripada Program Baharu, *Deemed Accredited* dan Program Profesional dari MQA bermula tahun 2019 sehingga bulan Disember 2020. Bagi bulan Julai sehingga Disember 2020, sebanyak 293 keping Sijil Akreditasi telah diterima. Ringkasan penerimaan Sijil Akreditasi bermula bulan Julai sehingga Disember 2020 adalah seperti di Jadual 11.

Jadual 11: Ringkasan penerimaan Sijil Akreditasi sehingga Bulan Disember 2020

BIL	JENIS PROGRAM	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 31/7/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 31/8/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 30/9/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 31/10/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 30/11/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 31/12/2020
1	Program Baharu	1			3	8	3
2.	Program Deemed Accredited	85	10	123	21	17	5
3.	Program Profesional	1				5	
JUMLAH KECIL		87	10	123	35	30	8
JUMLAH KESELURUHAN		293					

Lampiran 3: Senarai Sijil Akreditasi Program yang telah diterima dari MQA bagi tahun 2020

3.0 RUMUSAN UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN (IQA)

Secara keseluruhannya jumlah program yang telah dihantar bagi tujuan penyenaraian di MQR bagi tahun 2020 adalah sebanyak 33 Program Baharu dan 14 program *Deemed Accredited*. **Lampiran 4 dan 5** menyatakan maklumat terperinci berkaitan Program Baharu dan program *Deemed Accredited* yang dihantar untuk penyenaraian. Jadual 12 menunjukkan ringkasan berkaitan tarikh penghantaran beserta bilangan program dan jenis akreditasi.

Jadual 12: Ringkasan Maklumat Penghantaran Program Baharu dan *Deemed Accredited* Sepanjang Tahun 2020

BIL	TARIKH	BILANGAN PROGRAM	JENIS AKREDITASI
1	9 Januari 2020*	13	• 12 Permohonan Akreditasi Penuh • 1 Permohonan Akreditasi Sementara
2	3 Februari 2020*	13	• 12 Permohonan Akreditasi Penuh • 1 Permohonan Akreditasi Sementara
3	3 Mac 2020*	27	• 13 Permohonan Akreditasi Penuh • 14 Permohonan Program <i>Deemed Accredited</i>
4	2 Jun 2020	3	• Permohonan Akreditasi Penuh
5	2 Julai 2020	5	• Permohonan Akreditasi Penuh
6	3 September 2020	4	• 3 Permohonan Akreditasi Penuh • 1 Permohonan Akreditasi Sementara
7	28 September 2020	6	• Permohonan Akreditasi Penuh
8	28 Oktober 2020	2	• 1 Permohonan Akreditasi Penuh • 1 Permohonan Akreditasi Sementara

*Penghantaran sebanyak 13 dokumen pada 9 Januari 2020 ditolak kerana maklumat tidak lengkap untuk beberapa program. Unit Pendaftaran MQA telah menolak kesemua permohonan kerana pembayaran fi penyenaraian dibuat dalam satu transaksi (IBG) sahaja.

Pada 3 Februari 2020 Unit IQA telah membuat penghantaran kali kedua bagi 13 program yang telah dibawa pada 9 Januari 2020. Dokumen ini diterima pada awalnya diterima pada hari penghantaran. Walaubagaimanapun kesemua dokumen ditolak kerana satu program, iaitu Sarjana Muda Seni Reka Gerak Kreatif (Kepujian) tidak mempunyai bukti MOA dan MOU dengan industri. Ini juga kerana pembayaran dibuat menggunakan satu IBG.

Unit IQA telah membuat penghantaran kali ketiga untuk kesemua 13 program kecuali Sarjana Muda Seni Reka Gerak Kreatif (Kepujian). Untuk mencukupkan jumlah 13 program untuk penyenaraian, Unit IQA menggantikan program tersebut dengan program

Sarjana Muda Sains Perniagaantani (Kepujian) pada 3 Mac 2020. Penghantaran kali ini diterima sepenuhnya.

Bermula bulan Jun 2020, pihak MQA telah menetapkan pembayaran fi penyenggaraan program hanya boleh dibuat melalui kaedah JomPay. Sehingga Disember 2020, sebanyak 20 transaksi menggunakan aplikasi JomPay telah dibuat kepada pihak MQA. Beberapa kekangan yang dihadapi sepanjang menggunakan kaedah ini adalah Unit IQA perlu membuat permohonan pendahuluan wang dari pihak Bendahari UiTM memandangkan aplikasi JomPay universiti masih tidak digunapakai. Dengan itu, bukti pembayaran dan resit yang dikeluarkan oleh pihak MQA amat diperlukan dalam jangka masa satu (1) bulan dari tarikh permohonan pendahuluan dibuat. Sekiranya berlaku kelewatan penerimaan resit, risiko pemotongan gaji terhadap penama adalah sangat tinggi.

4.0 LATIHAN YANG DIHADIRI OLEH KAKITANGAN UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN (IQA) BERMULA BULAN JULAI SEHINGGA DISEMBER 2020

BIL	NAMA LATIHAN	PENGANJUR	PEGAWAI YANG HADIR
1.	Webinar: Micro-credentials: Garis Panduan dan Pelaksanaan (4 September 2020)	MQA	1. Prof Madya Dr Azizah Abdullah
2.	Micro-credentials: Design, Assessment & Digital Badges (8 September 2020)	Finance Accreditation Agency (FAA)	1. Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah
3.	FAA Webinar Micro-Credentials (22 Oktober 2020)	Finance Accreditation Agency (FAA)	1. Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah
4.	Management and Assessment of An ODL Programme Accreditation (3 Disember 2020)	MyQAN Self-Accrediting Universities Subnetwork (SAUS) dengan kerjasama Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM	1. Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah 2. Prof. Madya Dr. Kamarularifin Abd Jalil 3. Dr. Zalilah Abd Aziz 4. Dr. Rasidah Hamid 5. Puan Nur Ayuni Salim 6. Encik Mohammad Shafiq Mustapa

5.0 PENUTUP

Untuk jangka masa Julai - Disember 2020, fi penyenaian program sebanyak RM1,700.00 (Satu Ribu Tujuh Ratus Ringgit Sahaja) telah dibuat. Dengan status swaakreditasi ini, pihak universiti memberi keutamaan dan sokongan kepada pengendalian penilaian program akademik. Bajet untuk pembiayaan penilaian program di bawah Badan Profesional diuruskan oleh pihak Bendahari fakulti atau kampus yang menawarkan program berkaitan manakala program di bawah penilaian Unit IQA diletakkan di bawah pengurusan Bendahari Pusat Universiti.

Aktiviti untuk jangka masa Januari - Jun 2021 akan tertumpu ke atas penilaian Audit Pematuhan Program Akademik UiTM bagi peringkat Sarjana dan Kedoktoran.

LAMPIRAN 1



JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM (JKPPP)

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM (JKPPP) KE-33 BIL.7/2020

Tarikh : 17 Ogos 2020 (Isnin)
Masa : 09.00 pagi – 2.00 petang

Tempat: menggunakan aplikasi
Google Meet

HADIR

1. Professor Dr Hj. Roziah Mohd Janor - Pengerusi
Penolong Naib Canselor
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu
(InQKA)
2. Profesor Dr Hajah Nor Aziah Alias
Pengarah Pembangunan Akademik
Bahagian Hal Ehwal Akademik
3. Prof Madya Dr Azizah Abdullah
Pengarah Jaminan Kualiti Dalam
Unit Jaminan Kualiti Dalam
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu
(InQKA)
4. Dr Zalilah Abd Aziz
Ketua Akreditasi Program Sains dan
Teknologi
Unit Jaminan Kualiti Dalam
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu
(InQKA)
5. Dr Rasidah Hamid
Ketua Akreditasi Program Sains Sosial
Unit Jaminan Kualiti Dalam
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu
(InQKA)
6. Prof Madya Dr Kamarularifin Abd Jalil
Ketua Akreditasi Program Persisir
Unit Jaminan Kualiti Dalam
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

- | | | | |
|-----|--|---|------------|
| 7. | Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi
Pakar Bidang
Program Sarjana Sains Pengurusan
Sistem Maklumat (IM775) | | |
| 8. | Prof. Dr. Wan Ramlee Bin Wan A. Kadir
Pakar Bidang
Program Sarjana Muda Sains (Kep.)
Teknologi Higiene dan Keselamatan
(AS239) | | |
| 9. | Siti Norul'Ain Mohd Azizi
Penolong Pendaftar Kanan | - | Setiausaha |
| 10. | Nur Ayuni Salim
Pegawai Eksekutif | - | Urusetia |
| 11. | Muhammad Shafiq Mustapa
Pembantu Tadbir | - | Urusetia |

TURUT HADIR

1. Ts. Mohd Norafizal Abd Aziz
Felo
Unit Jaminan Kualiti Dalam
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
2. Ts. Dr Wan Aida Wan Yahaya
Ketua Akreditasi Akademik
Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK)
Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM
3. Dr. Hajah Azmi Aminuddin
Ketua Panel Penilai
Program Sarjana Sains Pengurusan Sistem Maklumat
(IM775)
4. Dr. Rosidah Sam
Ketua Panel Penilai
Program Sarjana Muda Sains (Kep.) Teknologi
Higiene dan Keselamatan (AS239)
5. Prof. Madya Dr. Saidatul Akmar Ismail
Wakil Fakulti
Program Sarjana Sains Pengurusan Sistem Maklumat
(IM775)
6. Prof. Dr Hajah Farida Zuraina Mohd Yusof
Wakil Fakulti
Program Sarjana Muda Sains (Kep.) Teknologi
Higiene dan Keselamatan (AS239)

7. Prof Madya Dr Rozita Osman
Wakil Fakulti
Program Sarjana Muda Sains (Kep.) Teknologi
Higiene dan Keselamatan (AS239)

BAHAGIAN A1: KATA ALUAN Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Ummul kitab Al-Fatihah dan ucapan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir oleh pengerusi. Pengerusi juga mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) dan jemputan yang hadir (secara dalam talian). Mesyuarat ini adalah untuk membincangkan berkenaan perkara berbangkit dari mesyuarat ke-32 bilangan 6/2020, perbincangan permohonan Akreditasi Sementara dan permohonan Akreditasi Penuh.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa, mesyuarat kali ini merupakan kali pertama mesyuarat akan menggunakan sistem e-Mesyuarat. Segala tindakan yang perlu diambil akan dihantar dari sistem ini terus kepada emel Ketua Jabatan yang terlibat. Setiausaha diminta untuk membuat surat pemakluman kepada semua Dekan/Rektor/Ketua Pusat Akademik berkenaan dengan tindakan yang perlu diambil daripada mesyuarat JKPPP. Pengerusi membacakan pengisytiharan kepentingan di dalam mesyuarat di hadapan semua ahli mesyuarat yang hadir.

BAH. A: AM

A.0001 : Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lalu

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program - (JKPPP) Ke-32 bil. 6/2020 bertarikh 20 Julai 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.

A.0002 : Pengesahan Maklumbalas Fakulti/Kampus/Pusat dari Minit Mesyuarat yang lepas

Pengerusi memaklumkan bahawa minit mesyuarat ke 32 telah disahkan oleh SENAT ke-261 yang telah berlangsung pada 13 Ogos 2020 yang lalu.

A.0003 : PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

A.003.22 Permohonan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan

Latar Belakang

- i. Perkara B.0168
Diploma Pengurusan Sukan Dan Rekreasi / *Diploma in Sports and Recreational Management*
Lokasi :
 - a) Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
 - b) Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3
 - c) Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau
- ii. Perkara B.0169
Diploma Pengajian Sukan / *Diploma of Sports Studies*
Lokasi :
 - a) Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
 - b) Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3
 - c) Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau
 - d) Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka
 - e) Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Samarahan

TINDAKAN

- iii. Perkara B.0170
Sarjana Muda Pengurusan Sukan (Kepujian) / *Bachelor of Sports Management (Hons.)*
Lokasi : a) Universiti Teknologi MARA Shah Alam
 b) Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3
 c) Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau
- iv. Perkara B.0171
Sarjana Muda Sains Sukan (Kepujian) / *Bachelor of Sport Science (Hons.)*
Lokasi : a) Universiti Teknologi MARA Shah Alam
 b) Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3
 c) Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau
 d) Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka
 e) Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Samarahan

Latar Belakang

Merujuk kepada Mesyuarat JKPPP ke 32 bilangan 6/2020, mesyuarat telah dimaklumkan bahawa fakulti telah menyerahkan laporan program berkaitan yang memenuhi pemetaan MQF 2.0. Ketua Akreditasi Program Sains dan Teknologi diminta untuk menyemak dan mengesahkan laporan program telah memenuhi pemetaan MQF 2.0.

Perbincangan

Ketua Akreditasi memaklumkan bahawa laporan kesemua program ini telah disemak bersama Ketua Akreditasi Program Pesisir. Hasil semakan mendapati, pemetaan PEO, PLO adalah sejajar dengan MQF 2.0. Namun demikian, terdapat sedikit penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak fakulti.

Keputusan

Mesyuarat bersetuju program ini telah memenuhi keperluan MQF 2.0 dengan pembetulan dan program ini akan dimajukan ke SENAT untuk diperakukan dan seterusnya di bawa MQA bagi tujuan pemakluman perubahan maklumat di MQR.

BAH. B : PELAPORAN / PEMBENTANGAN HASIL DAPATAN PENILAIAN OLEH KETUA PANEL PENILAI ATAU WAKIL

B.0208 : Permohonan Akreditasi Penuh Program Sarjana Sains Pengurusan Sistem Maklumat (IM775) di lokasi Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

Latar Belakang

Program ini memperolehi kelulusan penawaran program daripada JKPT berdasarkan mesyuarat JKPT 13 Disember 2016 bilangan 7/2016. Program ini mendapat Perakuan Memenuhi Kualiti pada 14 Mei 2012. Program ini

telah melalui proses Penilaian Audit Lokasi pada 17 April 2020. Markah yang telah diperolehi adalah sebanyak 91.22 dengan 94 *strengths* dengan 2 *Areas for Improvements* dan 2 *Areas of Concern*.

Perbincangan

Pembentangan telah dibentangkan oleh Ketua Panel Penilai. Perbincangan mesyuarat adalah berkenaan dengan cadangan penambahbaikan dan perkara yang perlu diambil perhatian :-

Area 4 : Academic Staff

- cadangan supaya Pelan Penggantian fakulti dan program *coaching* dan *team teaching* bagi program ini perlu didokumenkan.

Area 7: Programme Monitoring, Review and Continual Improvement.

- Fakulti diminta melibatkan alumni dan majikan selain daripada pemeriksa luar bagi tujuan semakan kurikulum program dan juga penambahbaikan berterusan.
- Pihak fakulti perlu mengambil perhatian dan tindakan segera dengan penubuhan serta peranan Jawatankuasa Semakan Kurikulum Fakulti yang tidak jelas. Semakan kurikulum juga tidak pernah dilaksanakan walaupun telah terdapat pelajar bergraduat sebanyak 2 kohot.

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju program ini telah memenuhi keperluan MQF 2.0 dan program ini akan dimajukan ke SENAT untuk diperakukan dan seterusnya di bawa MQA bagi tujuan penyelarasan di MQR.
2. Fakulti diminta memberi maklumbalas dalam tempoh yang telah ditetapkan kepada IQA, InQKA.

Prof. Dr.
Sohaimi
Zakaria

Maklumbalas Fakulti

Ketua Akreditasi Sains Sosial memaklumkan pihak fakulti bersetuju untuk kekal dengan pemberian markah ketika mesyuarat iaitu sebanyak 92.04.

B.0209 : Permohonan Akreditasi Sementara Program Sarjana Muda Sains (Kep.) Teknologi Higiene Industri dan Keselamatan (AS239) di lokasi Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi

Latar Belakang

Program ini memperolehi kelulusan penawaran program daripada Mesyuarat Saringan Awal (MSA) berdasarkan mesyuarat MSA pada 25 April 2019 bilangan 2/2019. Program ini telah melalui proses Penilaian Audit Lokasi pada 17 April 2020. Markah yang telah diperolehi adalah sebanyak 91.43 dengan 98 *strengths* dan tiada *Areas for Improvements* atau *Areas of Concern*.

Perbincangan

Ketua Panel Penilai memaklumkan bahawa pada peringkat awal, penilaian telah menemui beberapa perkara yang dianggap sebagai *Areas of Concern* yang di dapati tiada dokumen sokongan seperti laporan minit mesyuarat dan laporan aktiviti pelajar. Mesyuarat juga membincangkan tentang

perbezaan pada ejaan nama program dimana untuk program diploma disebut Higen dan sarjana muda pula Higiene.

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju program ini telah memenuhi keperluan MQF 2.0 dan program ini akan dimajukan ke SENAT untuk diperakukan dan seterusnya di bawa MQA bagi tujuan penyenaraian di MQR.
2. UHEK diminta menguruskan perubahan nama bagi Diploma Higen sama mengikut program ini.

BAH. C : HAL-HAL LAIN

C.0057 : Penerimaan Sijil Dari Malaysian Qualifications Agency (MQA)

BIL	JENIS PROGRAM	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 16/1/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 14/2/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 13/3/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 4/6/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 31/7/2020	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA 17/8/2020
1	Program Baharu	3	-	-	-	1	
2.	Program Deemed Accredited	48	1	16	4	85	10
3.	Program Profesional	2	-	-	-	1	
JUMLAH		53	54	70	74	161	171

Perbincangan

Pegawai Eksekutif telah memaklumkan bahawa sehingga 17 Ogos 2020, Unit Jaminan Kualiti (IQA), InQKA telah menerima 171 keping sijil dari MQA. 49 keping sijil telah diserahkan kepada pihak fakulti/kampus. Baki sijil yang masih belum diserahkan adalah sebanyak 122 keping sijil. Dimaklumkan juga bahawa surat iringan telah disiapkan untuk penyerahan bersama-sama sijil tersebut dalam masa terdekat.

Keputusan

Mesyuarat ambil maklum akan pemakluman tersebut.

C.0058 : Penawaran program Diploma Perakaunan di Kolej SATT Sarawak

Latar Belakang

Pengarah IQA memaklumkan pihak fakulti telah menerima permohonan daripada Kolej SATT, Sarawak untuk menjalankan program francais. Sebelum penawaran program boleh dibenarkan terdapat beberapa perkara yang perlu dilaksanakan. Antara perkara yang minta pihak fakulti untuk disemak semula adalah pemetaan CLO, pengemaskinian sinopsis kursus yang ditawarkan, *student learning time*, pra-syarat kepada kursus dan semakan nama bagi kursus CTU231.

Perbincangan

Mesyuarat telah berbincang mengenai keperluan semua program yang perlu mematuhi MQF 2.0 bermula April 2020.

Keputusan

4.1.8	The department must have national and international linkages to provide for the involvement of experienced academics, professionals and practitioners in order to enhance teaching and learning in the programme.	Listing of Linkages		

4.2 Service and Development

CLAUSE	STANDARD	SOURCES OF EVIDENCE	FACULTY/CAMPUS DESCRIPTION	SCORE
4.2.2	The department must provide opportunities for academic staff to focus on their respective areas of expertise.	List of training attended List of Consultancies Conducted		
4.2.3	The HEP must have clear policies on conflict of interest and professional conduct, including procedures for handling disciplinary cases among academic staff.	Policy process flow any evidence if ever happened		
4.2.4	The HEP must have mechanisms and processes for periodic student evaluation of the academic staff for quality improvement.	SUFO		
4.2.5	The department must have a development programme for new academic staff and continuous professional enhancement for existing staff.	Training Log		
4.2.6	The HEP must provide opportunities for academic staff to participate in professional, academic and other relevant activities, at national and international levels to obtain professional qualifications to enhance teaching-learning experience.	List of Conferences Reviewer		
4.2.7	The department must encourage and facilitate its academic staff to play an active role in community and industry engagement activities.	CSR		

AREA 5: EDUCATIONAL RESOURCES

Adequate educational resources are necessary to support the teaching-learning activities of the programme. These resources include finance, expertise, physical infrastructure, information and communication technology, and research facilities. The physical facilities of a programme include the space and the necessary equipment and facilities for administration, for large and small group learning, for practical classes and for clinical learning. Where appropriate, research facilities are included as part of educational resources. Educational experts are specialised staff from various disciplines who have been trained or who have considerable experience in effective teaching-learning methodologies and related matters of higher education. Adequate quantity of physical and financial resources and services are crucial. Equally important, if not more so, is the quality, relevance, accessibility, availability and delivery of such resources and services, and their actual utilisation by students. These considerations must be taken into account in evaluating the effectiveness of educational resources.

5.1 Physical Facilities

CLAUSE	STANDARD	SOURCES OF EVIDENCE	FACULTY/CAMPUS DESCRIPTION	SCORE
5.1.1	The programme must have sufficient and appropriate physical facilities and educational resources to ensure its effective delivery, including facilities for practical-based programmes and for those with special needs.	Latest updated list of labs, classroom		

5.2 Research and Development (Applicable only for undergraduate and postgraduate)

CLAUSE	STANDARD	SOURCES OF EVIDENCE	FACULTY/CAMPUS DESCRIPTION	SCORE
5.2.1	The department must have a research policy with adequate facilities and resources to sustain them.			
5.2.2	The interaction between research and learning must be reflected in the curriculum, influence current teaching, and encourage and prepare students for engagement in research, scholarship and development.			
5.2.3	The department must periodically review its research resources and facilities and take appropriate action to enhance its research capabilities and to promote a conducive research environment.			

5.3 Financial Resources

CLAUSE	STANDARD	SOURCES OF EVIDENCE	FACULTY/CAMPUS DESCRIPTION	SCORE
5.3.1	The HEP must demonstrate financial viability and sustainability for the programme.	Budget allocation for new program		
5.3.2	The department must have clear procedures to ensure that its financial resources are sufficient and managed efficiently.	Sample procedure to approve an activity		
5.3.3	The HEP must have a clear line of responsibility and authority for budgeting and resource allocation that takes into account the specific needs of the department.	Budget allocation		

AREA 6 : PROGRAMME MANAGEMENT

The dynamism of the HEP is reflected by it keeping abreast with the latest development in the various disciplines through an effective relationship between curriculum content and current practices in these disciplines as well as by it taking into consideration the current needs of an ever changing society.

6.1 Programme Management

CLAUSE	STANDARD	SOURCES OF EVIDENCE	FACULTY/CAMPUS DESCRIPTION	SCORE
6.1.1	The department must clarify its management structure and function, and the relationships between them, and these must be communicated to all parties involved based on the principles of responsibility, accountability and transparency.	Organizational Chart		
6.1.2	The department must provide accurate, relevant and timely information about the programme which are easily and publicly accessible, especially to prospective students.	Website		
6.1.3	The department must have policies, procedures and mechanisms for regular review and updating of its structures, functions, strategies and core activities to ensure continuous quality improvement.	1) Policy 2) Process Flow Involve location (PP liase with PU)		
6.1.4	The academic board of the department must be an effective decision-making body with an adequate degree of autonomy.	JAN/JAF		
6.1.5	Mechanisms to ensure functional integration and comparability of educational quality must be established for programmes conducted in different campuses or partner institutions. (This standard must be read together with standard 7.1.7 in Area 7.)	Communication & Integration PP and PU of PLO and CLO attainment analysis		

6.2 Programme Leadership

STANDARD	CLAUSE	SOURCES OF EVIDENCE	FACULTY/CAMPUS DESCRIPTION	SCORE
6.2.2	The programme leader must have appropriate qualification, knowledge and experiences related to the programme he/she is responsible for.	CV		
6.2.3	There must be mechanisms and processes for communication between the programme leader, department and HEP on matters such as staff recruitment and training, student admission, allocation of resources and decision-making processes.	Meetings		

6.3 Administrative Staff

CLAUSE	STANDARD	SOURCES OF EVIDENCE	FACULTY/CAMPUS DESCRIPTION	SCORE
6.3.1	The department must have sufficient number of qualified administrative staff to support the implementation of the programme and related activities.	Organizations Chart Ratio admin staff		

6.4 Academic Records

CLAUSE	STANDARD	SOURCES OF EVIDENCE	FACULTY/CAMPUS DESCRIPTION	SCORE
6.4.1	The department must have appropriate policies and practices concerning the nature, content and security of student, academic staff and other academic records.	Policy SIMS		



MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM

MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM 34 BILANGAN 8/2020

Tarikh : 19 Okt 2020 (Isnin)
Masa : 09:00 Pagi

Tempat : Secara dalam talian

HADIR

1. PROF. DR. ROZIAH BINTI MOHD JANOR
PENOLONG NAIB CANSELOR
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
2. PROF. DR NOR AZIAH BINTI ALIAS
PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
3. PROF. MADYA DR. AZIZAH BINTI ABDULLAH
PENGARAH
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
4. KAMARULARIFIN BIN ABD JALIL
KETUA
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
5. ZALILAH BT ABD AZIZ
KETUA
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
6. RASIDAH BT HAMID
KETUA
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
7. NUR AYUNI BINTI SALIM
PEGAWAI EKSEKUTIF
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
8. PN. SITI NORUL'AIN BINTI MOHD AZIZI
PENOLONG PENDAFTAR KANAN
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU

PENGERUSI

SETIAUSAHA

TURUT HADIR

9. NORAINI BINTI SEMAN
KETUA
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
10. JURINA BINTI JAAFAR
KETUA
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
11. THURAIYA BINTI MOHD
KOORDINATOR
UITM KAMPUS SRI ISKANDAR
12. KUSHAIRI BIN RASHID
KOORDINATOR
UITM KAMPUS SRI ISKANDAR
13. SR DR HARYATI BINTI MOHD ISA
KETUA PUSAT PENGAJIAN
UITM KAMPUS SRI ISKANDAR



- 14. PROF. DR ABDUL HADI BIN NAWAWI
PROFESOR
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
- 15. PROF. MADYA DR. S. SALAHUDIN BIN SUYURNO
KETUA PUSAT PENGAJIAN
UITM KAMPUS ALOR GAJAH
- 16. DZIAUDDIN BIN SHARIF
KOORDINATOR
UITM KAMPUS ALOR GAJAH
- 17. MOHD ZAID BIN MUSTAFAR
PENSYARAH KANAN
UITM KAMPUS ALOR GAJAH
- 18. SITI KHADIJAH BINTI AB MANAN
PROFESOR MADYA
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
- 19. ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
TIMBALAN DEKAN
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
- 20. PROF. DR. MOHD SAZILI BIN SHAHIBI
PROFESOR
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
- 21. RUSMADIAH BIN ANWAR
PENGARAH
NATIONAL DESIGN CENTRE (NDC), FSSR

A	AM	TINDAKAN
i Pengisytiharan Kepentingan Pengerusi telah membacakan Pengisytiharan Kepentingan dibawah Jadual Kedua, Peraturan 9 Akta 173:- 1. Pengerusi dan ahli mesyuarat mengisytiharkan tidak mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung bagi agenda yang dibincangkan. 2. Apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak atau dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Mesyuarat ini. 3. Sejajar dengan seksyen 33 (1) Akta 173, Pengerusi dan Ahli Mesyuarat adalah dengan ini mengambil maklum tentang tanggungjawab kerahsiaan dan adalah dengan ini mengakujangi untuk tidak mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan Universiti yang masih tidak dibolehkan untuk disiarkan dibawah peruntukan Akta 173.		
ii Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah dan ucapan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir oleh Pengerusi. Pengerusi juga mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) dan jemputan yang hadir secara dalam talian. Mesyuarat ini adalah untuk membincangkan berkenaan perkara berbangkit dari Mesyuarat ke-33 bilangan 7/2020, perbincangan permohonan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan, Permohonan Penambahan Lokasi Penawaran Program dan Permohonan Akreditasi Penuh. Pengerusi memaklumkan bahawa semua pengurusan audit samada audit penilaian program akademik atau audit iQMS perlu dilaksanakan walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Pelaksanaan audit akan dijalankan secara dalam talian. Pelaksanaan ini adalah untuk memastikan supaya setiap urusan akan berjalan mengikut jadual. Pengerusi juga memaklumkan bahawa bagi audit iQMS, pelaksanaan audit boleh dijalankan secara dalam talian bersama PTJ. PTJ diberi tempoh 7 hari bagi PTJ yang tidak berada di dalam zon merah dan 14 hari untuk PTJ yang berada di dalam zon merah untuk menyalurkan bahan-bahan bukti kepada audit dan seterusnya mengadakan <i>closing session</i>. Tetapi sekiranya pihak PTJ tidak mempunyai sebarang halangan untuk menyediakan dokumen bukti kepada audit, <i>closing session</i> boleh dijalankan pada hari ketiga audit iQMS dijalankan.		
iii Pengesahan Minit Mesyuarat		

1. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program - (JKPPP) Ke-33 bil. 7/2020 bertarikh 17 Ogos 2020 telah disahkan oleh Prof Madya Dr Azizah Abdullah dan disokong oleh Professor Dr Hajah Nor Aziah Alias tanpa sebarang pindaan.
2. Pengerusi juga memaklumkan bahawa minit mesyuarat ke 33 bilangan 7/2020 telah disahkan oleh SENAT ke-262 yang telah berlangsung pada 1 September 2020 yang lalu.

Iv Perkara-Perkara Berbangkit

Perkara C.0058 : Penawaran Program Fakulti Perakaunan di Kolej SATT Sarawak.

Latar Belakang

Merujuk kepada Mesyuarat ke-33 bilangan 7/2020, kolej ini bercadang untuk menawarkan program dari Fakulti Perakaunan sebagai program francais bermula Oktober 2020. Sebelum penawaran boleh dilakukan, semua keperluan berkaitan dengan kurikulum program perlu mematuhi Kerangka MQF 2.0. Pihak kolej juga mendapati bahawa program yang ingin ditawarkan tidak mematuhi kepada Kerangka MQF 2.0. Pihak UHEK telah diminta untuk menyemak perkara tersebut termasuk memastikan bahawa semua program akademik di dalam UiTM perlu mematuhi Kerangka MQF 2.0.

PERBINCANGAN

Dr Noraini Seman selaku wakil UHEK telah memaklumkan bahawa, pihak MQA telah memberi kelulusan sementara untuk kolej tersebut menawarkan program tersebut bermula sesi Oktober 2020. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa, program ini telah melalui proses Semakan Kurikulum pada tahun 2019. Namun pada waktu itu, program itu tidak melaksanakan pemetaan mengikut Kerangka MQF 2.0. Pihak UHEK, ICEPS dan fakulti sedang berusaha untuk melengkapkan pemetaan mengikut Kerangka MQF 2.0.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum berkenaan dengan perkara tersebut dan dengan itu, kolej berkenaan tidak boleh menawarkan program tersebut untuk sesi Oktober 2020 tetapi boleh menawarkan program pada Mac 2021 dengan syarat pemetaan Kerangka MQF 2.0 telah dilengkapkan.

B PELAPORAN / PEMBENTANGAN HASIL DAPATAN PENILAIAN OLEH KETUA PANEL PENILAI ATAU WAKIL

B.0210 Permohonan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Bagi Program Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alambina / *PhD in Design and Built Environment (AP992)* Yang Ditawarkan di UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

SHAHANUM BINTI
MD. SHAH / FAIZAH
BINTI DARUS

Latar Belakang

Dokumen permohonan telah diterima 13 Ogos 2020 dan telah dinilai pada September 2020. Program ini telah mendapat 16 kepujian, 1 penambahbaikan dan 1 perhatian. Markah yang diperolehi adalah 90%.

PERBINCANGAN

1. Pembentangan laporan penilaian telah dibentangkan oleh Panel Penilai, Prof. Madya Dr Kamarularifin Abd Jalil. Beliau telah membentangkan mengenai kepujian yang diperolehi oleh program ini. Penambahbaikan yang dikenalpasti hanya 1 yang berkaitan dengan struktur program. Program ini mempunyai 4 kursus yang berkaitan dengan tesis. Terdapat persoalan kepada cara penilaian dilakukan untuk program ini. Program ini mendapat 1 perhatian iaitu mengenai penamaan program. Menurut Panel Penilai, program ini menggunakan perkataan "Doktor Falsafah" manakala merujuk kepada Kerangka MQF 2.0 (para 89, ms. 27) menyatakan bahawa bagi program secara mod campuran ianya memadai hanya menggunakan nomenklatur "Doktor" sahaja. Oleh itu, penamaan program tidak sejajar dengan Kerangka MQF 2.0.
2. Wakil fakulti memberi jawapan balas kepada isu berkaitan dengan penamaan program dimana proses penubuhan program ini adalah pada tahun 2012 dan kelulusan Akreditasi Sementara adalah pada tahun 2013 dimana nama program ini tidak tertakluk kepada Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia 2019. Tambahan pula penamaan program telah mendapat kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi. Justifikasi pengekalan penamaan program ini adalah berdasarkan Standard Program 2013 dan juga 2020. Justifikasi yang lain juga adalah berdasarkan daripada mod program yang berbentuk 30% adalah secara kerja kursus dan 70% adalah secara penyelidikan. Maka dengan itu jika dilihat dari struktur kurikulum program ini telah mencakupi falsafah ilmu dan falsafah pendidikan itu sendiri. Disamping itu juga justifikasi wakil fakulti adalah bahawa program ini tidak menjurus kepada profession tetapi kepada bidang ilmu yang menyebabkan fakulti ingin terus menggunakan nama Doktor Falsafah. Isu berkenaan dengan program ini mempunyai 4 kursus yang berbeza, jawapan balas daripada wakil fakulti adalah dimana bagi kursus DBE931 adalah merujuk kepada *Introduction* dan *Literature Review*. Manakalan kursus DBE932, fokus kepada *Research Methodology* dan *Data Collection*. Seterusnya untuk kursus DBE933, ianya akan fokus kepada *Data Analysis*, *Result* dan *Data Interpretation*. Akhir sekali bagi kursus DBE934, pelajar akan diajar mengenai *Discussion*, *Conclusion* dan *Implication and Preparing for Viva Formatting*. Penilaian setiap kursus ini adalah berbeza mengikut CLO dan gred bagi setiap kursus ini diberikan mengikut gred yang telah ditetapkan oleh IPSiS iaitu Sedang Maju (SM), Amaran 1 (AM1), Amaran 2 (AM2), Amaran 3 (AM3) atau Gagal (D10). Pihak fakulti ambil maklum mengenai komen panel berkenaan struktur kurikulum program secara separuh masa yang terdapat 3 kursus yang sama, pihak fakulti akan membuat pembetulan dan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) struktur kurikulum separuh masa yang baharu dengan mengikut standard program yang ditawarkan secara separuh masa.
3. Pakar Bidang mengulas tentang fakulti harus jelas dengan falsafah yang cuba diterapkan oleh fakulti dalam program ini. Disamping itu juga, Pakar Bidang memaklumkan elemen berkaitan dengan keperluan semasa seperti Inovasi, Pengurusan Risiko dan juga *Sustainable Development Growth*. Program ini merupakan program berbentuk multi disiplin dimana pelajar dari Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur serta pelajar dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka boleh menyertai program ini. Ini merupakan satu program yang keterhadapan yang sangat baik. Pihak fakulti ambil maklum akan perkara yang diulas oleh Pakar Bidang. Ada perkara yang telah dilaksanakan dan ada perkara yang lain akan diambil kira untuk penambahbaikan selepas daripada Semakan Kurikulum ini.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum akan input yang telah diberikan oleh pihak Panel Penilai, Wakil Fakulti, Pakar Bidang dan Wakil HEA. Oleh itu, selepas mendengar justifikasi mengenai penamaan program dengan pengekalan pemakaian nama Doktor Falsafah, mesyuarat akan memajukan program ini diperakukan oleh SENAT dengan syarat MQA bersetuju dengan penamaan program ini. Walaubagaimanapun, sekiranya pihak MQA menolak untuk penyenaraian di MQR atas dasar penamaan program, pihak Fakulti dan UHEK perlu mengusahakan pengurusan perubahan nama yang mengikut keperluan Kerangka MQF 2.0.

B.0211 Permohonan Penambahan Penawaran Lokasi Bagi Program Diploma Muamalat (IC110) / Diploma in Muamalat Yang Ditawarkan di UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah

Latar Belakang

Dokumen permohonan telah diterima pada September 2020 dan Lawatan Audit Lokasi Program telah dijalankan pada 2 Oktober 2020. Program ini mendapat kebenaran penawaran program berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) bilangan 6/2013 yang telah bersidang pada 26 September 2013. Program ini mula berjalan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam pada Jun 2014. Mesyuarat Eksekutif Universiti bil. 23/2020 yang telah bersidang pada 22 Julai 2020, meluluskan penawaran program ini untuk dijalankan di UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Program ini mendapat 49 kepujian dan 1 penambahbaikan. Markah yang diperolehi adalah sebanyak 92%.

PERBINCANGAN

Pembentangan laporan penilaian ini dilakukan oleh Panel Penilai, Prof. Madya Dr Kamarularifin Abd Jalil. Penambahbaikan yang ditemui adalah berkaitan dengan hubungan dengan alumni. Cadangan Panel Penilai untuk fakulti supaya penglibatan alumni boleh dilaksanakan dari aspek seperti membangun, menyemak dan penambahbaikan secara berterusan untuk program ini.

Ulasan Pakar Bidang pula menyatakan bahawa, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah membuat persediaan yang cukup baik dari aspek sumber manusia untuk menawarkan program ini di situ. Program ini merupakan *feeder* kepada program peringkat Sarjana Muda yang dijalankan di UiTM Shah Alam. Tambahan kepada itu, program ini mempunyai keperluan yang sangat tinggi di pasaran. Oleh itu, penawaran program ini adalah sangat bertepatan dengan kehendak pasaran.

Ulasan dari wakil UHEK pula, dari aspek kurikulum UiTM telah menetapkan bahawa semua program Diploma bukan hanya menjadi *feeder* kepada program Sarjana Muda. Pembentukan program diploma dapat melahirkan graduan yang sudah bersedia bekerja di dalam pasaran. Cadangan supaya program ini dapat mengadakan program berbentuk *Microcredential* yang menjadikan program berkenaan lebih berdaya saing.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum berdasarkan ulasan yang diberikan oleh Panel Penilai, Wakil Fakulti, Pakar Bidang, Wakil HEA dan UHEK. Mesyuarat juga ambil maklum bahawa program ini telah memenuhi keperluan MQF 2.0 untuk ditawarkan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Program ini akan dimajukan ke SENAT untuk diperakukan dan seterusnya di bawa ke MQA bagi tujuan pemakluman penambahan lokasi program.

B.0212 Permohonan Akreditasi Penuh Bagi Program Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Kandungan Maklumat / *Bachelor of Information Science (Hons) Information Content Management (IM249)* Yang Ditawarkan Di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

Latar Belakang

Dokumen permohonan telah diterima pada Jun 2020 dan dinilai pada Oktober 2020. Program ini mendapat kelulusan penawaran program berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Khas bil. 2/2017 yang telah bersidang pada 21 Februari 2017. Program ini mendapat 89 kekuatan dan 9 penambahbaikan. Markah yang diperolehi adalah sebanyak 97.29%.

PERBINCANGAN

Laporan penilaian telah dibentangkan oleh Ketua Penilai, Dr. Rasmadiah Anwar. Panel Penilai memaklumkan, hasil penilaian berasaskan dokumen telah mengenalpasti 19 perhatian yang perlu dilihat dengan teliti. Namun demikian, selepas Lawatan Audit Akreditasi Program dijalankan, hasil yang diperolehi adalah lebih baik. Hasil daripada rumusan itu hanya 9 penambahbaikan sahaja dilaporkan.

Pakar Bidang memberi ulasan bahawa program ini memerlukan kandungan yang lebih keterhadapan berbanding program yang lain kerana program ini telah dibentuk melebihi 10 tahun. Oleh itu, kandungan untuk program ini perlu selari dengan keperluan semasa. Output yang diharapkan daripada pelajar bukan hanya mengikuti kandungan yang disediakan, tetapi pelajar mampu mengilhamkan kandungan yang lebih baik daripada kandungan sedia ada.

Wakil fakulti juga ambil maklum berkenaan ulasan dari Ketua Panel Penilai dan juga Pakar Bidang. Memang menjadi aspirasi pihak fakulti untuk memastikan pembudayaan kandungan suatu yang penting di kalangan masyarakat.

Wakil HEA bertanyakan berkenaan Lantikan Akademia. Pihak fakulti memaklumkan bahawa mereka sudah mempunyai lantikan daripada Jepun dan perancangan untuk lantikan.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum akan pembentangan yang telah dilakukan dengan markah yang telah diberikan. Permohonan ini akan dibawa ke SENAT untuk diperakukan dan seterusnya di bawa ke MQA bagi tujuan penyenaiaan di MQR.

C HAL - HAL LAIN

C.0064

Isu Berkenaan Dengan Nama Program Sarjana Muda Pengkomputeran *Bachelor of Mobile Computing (Honours)* Yang Ditawarkan di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu

10/26/2020		Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program	
Latar Belakang Unit Kualiti Dalaman (IQA) telah menerima beberapa persoalan dari pihak MQA bagi Akreditasi Sementara (PAS) untuk Program Sarjana Muda Pengkomputeran Mudah Alih (Kepujian). Penyenaraian program ini di Portal Swaakreditasi (PSA) ditangguhkan penyenaraianya berdasarkan beberapa perkara seperti berikut: 1. Pihak Fakulti perlu mengemukakan laporan berkaitan pematuhan standard pada penamaan program dan <i>Body of Knowledge (BOK)</i> agar sesuai dengan <i>National Education Code (NEC)</i> sepertimana dinyatakan pada Klausa 1.2.4 - <i>Provisional Accreditation Programme Assessment Report</i>. 2. Pihak Fakulti perlu mengemukakan pemetaan matriks Body of Knowledge (BOK) dan perlu menyatakan bilangan minggu bagi latihan industri untuk program ini. 3. Tindakan yang disediakan oleh pihak Fakulti perlu dinilai oleh panel luar. PERBINCANGAN Pihak Fakulti telah mengambil tindakan ke atas persoalan ini dan penilaian telah dilakukan oleh Panel Luar, Prof. Madya Dr. Mohamad Fadli Zolkipli dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Hasil penilaian mendapati bahawa: 1. Penamaan program iaitu Sarjana Muda Pengkomputeran Mudah Alih (Kepujian) adalah tidak menepati Standard Komputeran MQA. Perkara ini telah dirujuk kepada Puan Siti Mariam selaku Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Memandangkan program ini masih di peringkat Akreditasi Sementara (PAS), beliau menasihatkan agar penamaan program ini dapat ditukar supaya menepati Standard Komputeran MQA sepertimana saranan panel penilai luar. Ini bagi mengelakkan masalah semasa permohonan Akreditasi Penuh yang lebih rumit pada masa akan datang. KEPUTUSAN Mesyuarat mencadangkan penukaran nama dapat dilakukan bagi mematuhi Standard Komputeran sebagaimana cadangan pihak MQA dan memohon pihak Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) dapat membantu pihak Fakulti di dalam proses ini dan seterusnya memajukan permohonan penukaran nama ini kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi bagi mendapatkan surat kelulusan yang baharu. Pihak Hal Ehwal Akademik (HEA) juga dimohon untuk membantu menyediakan surat penawaran baharu kepada 60 orang pelajar yang telah berdaftar untuk program ini setelah urusan pertukaran nama selesai.		SHAHANUM BINTI MD. SHAH / MOHD NAJIB BIN MOHD SARIF	
C.0065 Senarai nama program MBOT Latar Belakang Ts Dr Noraini Seman selaku wakil Unit Hal Ehwal Kurikulum telah memaklumkan bahawa Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah menerima senarai nama program akademik UiTM yang telah tersenarai di bawah bidang profesional Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT). Bahagian Hal Ehwal Akademik akan memajukan senarai nama program akademik yang terlibat serta cadangan daripada Badan Professional untuk program yang terlibat. PERBINCANGAN Mesyuarat dimaklumkan bahawa 107 program akademik telah membuat permohonan untuk mendapatkan pengiktirafan dari MBOT. Walaubagaimanapun, hanya 55 program sahaja yang telah diluluskan dimana 21 program adalah di peringkat Diploma dan 34 program di peringkat Sarjana Muda. KEPUTUSAN Pemakluman kepada pihak MQA perlu dibuat memandangkan 55 program berkenaan telah beralih ke MBOT. Oleh demikian, segala proses berkaitan akreditasi bagi 55 program ini adalah di bawah pemantauan dan pelaksanaan MBOT. Pemakluman kepada MQA akan dilakukan selepas mesyuarat SENAT bersidang dan memperakukan keputusan mesyuarat JKPPP ini. Pengiktirafan badan professional ini akan berkuatkuasa dari tahun 2020 sehingga tahun 2022. Selepas dari tarikh tersebut, permohonan pengiktirafan semula perlu dibuat oleh pihak fakulti / kampus cawangan. Tindakan permohonan pengiktirafan semula dari badan professional ini akan diuruskan oleh Unit IQA, InQKA dan Unit Hal Ehwal Akademik.		AZIZAH BINTI ABDULLAH / SHAHANUM BINTI MD. SHAH	

C.066 Penyediaan Self Review Portfolio UiTM 2020



Latar Belakang

Pengarah Unit Jaminan Kualiti Dalamana, IQA memaklumkan bahawa beliau telah menyediakan dokumen *List of Policies Required by MQA*. Dokumen ini akan dimasukkan di dalam *Self Review Portfolio* UiTM 2020. Dokumen ini disediakan bagi tujuan persediaan permohonan pengekalan status Swa Akreditasi Universiti.

PERBINCANGAN

Mesyuarat telah membincangkan mengenai dokumen ini. Pengerusi memaklumkan penyelarasan pengumpulan maklumat bagi *Self-Review Portfolio* ini akan dilakukan oleh Unit IQA, InQKA. Semua maklumat ini akan diperolehi daripada Pusat Yang Bertanggungjawab (PTJ) berkaitan.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum akan pemakluman yang telah dilakukan oleh Prof Madya Dr Azizah Abdullah, Pengarah Jaminan Kualiti Dalamana (IQA), InQKA.

C.067 Pemakluman Penerimaan Sijil Perakuan Akreditasi

Latar Belakang

Setiap kali Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP), Unit IQA, InQKA akan melaporkan bilangan sijil yang telah diperolehi bagi program akademik UiTM.

PERBINCANGAN

Puan Nur Ayuni Salim, Pegawai Eksekutif Unit Jaminan Kualiti, IQA telah melaporkan status terkini bilangan sijil yang telah diperolehi daripada MQA.

SENARAI KESELURUHAN PENERIMAAN SIJIL SEHINGGA SEPTEMBER 2020								
BIL	JENIS PROGRAM	JUMLAH SIJIL YANG DITERIMA						
		16/1/2020	14/2/2020	13/3/2020	4/6/2020	31/7/2020	17/8/2020	18/9/2020
	Program Baharu	3	-	-	-	1		
	Program Deemed Accredited	48	1	16	4	85	10	123
	Program Profesional	2	-	-	-	1		
JUMLAH KECIL		53	1	16	4	87	10	123
JUMLAH KESELURUHAN								294

Jumlah Keseluruhan = 294
Jumlah yang telah diserahkan = 171

Baki = 123

Data sehingga 15 Oktober 2020

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum akan pemakluman yang telah dimaklumkan.



Mesyuarat ditangguhkan pada jam 01:00 Tengah hari dengan bacaan Surah Al-Asr.

Disahkan tertakluk kepada pindaan.

MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM

MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM 35 BILANGAN 9/2020

Tarikh : 16 Nov 2020 (Isnin)
Masa : 09:00 Pagi

Tempat : Secara dalam talian

HADIR

1. PROF. DR. ROZIAH BINTI MOHD JANOR
PENOLONG NAIB CANSELOR
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
2. PROF. DR NOR AZIAH BINTI ALIAS
PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
3. PROF. MADYA DR. AZIZAH BINTI ABDULLAH
PENGARAH
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
4. PROF. MADYA DR. KAMARULARIFIN BIN ABD JALIL
KETUA
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
5. ZALILAH BT ABD AZIZ
KETUA
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
6. DR. RASIDAH BT HAMID
KETUA
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
7. NUR AYUNI BINTI SALIM
PEGAWAI EKSEKUTIF
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU
8. PROF MADYA DR MOHD RASDI BIN ZAINI
DEKAN
FAK. PERLADANGAN & AGROTEKNOLOGI, JASIN
9. PN. SITI NORUL'AIN BINTI MOHD AZIZI
PENOLONG PENDAFTAR KANAN
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU

PENGERUSI

SETIAUSAHA

TURUT HADIR

10. TS. DR. NORAINI BINTI SEMAN
KETUA
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
11. PROF. MADYA DR. WAN ABDUL RAHIM BIN WAN MOHD ISA, KETUA KURIKULUM AKADEMIK
KETUA
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
12. LINDA BINTI ABD HAMID
KETUA UNIT
FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
13. MASTURA BINTI MUHAMMAD
PENSYARAH KANAN
FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
14. ZAIRUNI BINTI SAAD, KETUA PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF, FITA
KETUA PUSAT PENGAJIAN
FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI

15. SALWA BINTI ADAM
KETUA PUSAT PENGAJIAN
FAK. PERLADANGAN & AGROTEKNOLOGI, JASIN
16. TSAN FUI YING
PROFESOR MADYA
FAK. PERLADANGAN & AGROTEKNOLOGI, JASIN
17. DR. AHMAD YUSRI BIN DAK
KETUA UNIT
UITM KAMPUS ARAU
18. FAZLEEN BINTI ABDUL FATAH
TIMBALAN DEKAN (AKADEMIK)
FAK. PERLADANGAN & AGROTEKNOLOGI, JASIN
19. SITI MASLIZAH BINTI ABDUL RAHMAN
KOORDINATOR
FAK. PERLADANGAN & AGROTEKNOLOGI, JASIN
20. MUHAMMAD AKMAL BIN ROSLANI
PENSYARAH
UITM KAMPUS ARAU
21. JAMIL BIN TAJAM
PENSYARAH KANAN
UITM KAMPUS ARAU
22. ZULIAHANI BINTI AHMAD
KETUA PUSAT PENGAJIAN
UITM KAMPUS ARAU
23. PROF. MADYA DR. ZAIDAH BT ZAINAL ARIFFIN
KETUA PUSAT PENGAJIAN
FAKULTI SAINS GUNAAN
24. NORLIS BT OSMAN
KOORDINATOR
UITM KAMPUS KUALA PILAH

A	AM	TINDAKAN
i Pengisytiharan Kepentingan		
Pengerusi telah membacakan Pengisytiharan Kepentingan dibawah Jadual Kedua, Peraturan 9 Akta 173:-		
1. Pengerusi dan ahli mesyuarat mengisytiharkan tidak mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung bagi agenda yang dibincangkan. 2. Apa-apa kepentingan dalam mana-mana program akademik atau penemuan audit termasuk apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Mesyuarat ini. 3. Sejajar dengan seksyen 33 (1) Akta 173, Pengerusi dan Ahli Mesyuarat adalah dengan ini mengambil maklum tentang tanggungjawab kerahsiaan dan adalah dengan ini mengakujnji untuk tidak mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan Universiti yang masih tidak dibolehkan untuk disiarkan dibawah peruntukan Akta 173.		
ii Aluan Pengerusi		

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah dan ucapan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir oleh Pengerusi. Pengerusi juga mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) dan jemputan yang hadir secara dalam talian. Mesyuarat ini adalah untuk membincangkan berkenaan perkara berbangkit dari Mesyuarat ke-34 bilangan 8/2020, perbincangan permohonan Permohonan Akreditasi Penuh, Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan dan Hal-Hal Lain.

PERBINCANGAN

Pengerusi telah memberi beberapa pemakluman di dalam ucapan aluan beliau :-

1. Pengerusi memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa Unit Jaminan Kualiti Dalam (IQA) perlu membuat pemakluman kepada Bahagian Pengambilan Pelajar dan juga Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) supaya mereka dapat membuat persediaan penawaran program tersebut sebaik sahaja minit mesyuarat JKPPP diperakukan oleh SENAT.
2. Pengerusi juga memaklumkan bahawa walaupun keadaan bajet UiTM untuk tahun 2021 yang terhad, pihak Universiti akan terus menyokong semua proses penilaian akademik samada dilakukan secara hadir ke lokasi mahupun secara dalam talian. Mesyuarat Eksekutif Universiti sangat mengalu-alukan pelaksanaan *audit remote* yang telah dilaksanakan oleh pihak InQKA.
3. Satu usul berkenaan dengan prestasi panel penilai program akademik yang dilantik samada dari luar atau dalam UiTM perlu dibawa ke mesyuarat JKPPP untuk dibincangkan. Usul ini perlu mengambil kira maklumbalas daripada pihak yang dinilai. Semua Ketua diminta memastikan pemilihan panel penilai tersebut adalah berkelayakan.

iii Pengesahan Minit Mesyuarat

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program - (JKPPP) Ke-34 bil. 8/2020 bertarikh 19 Oktober 2020 telah disahkan sebulat suara oleh semua ahli mesyuarat dengan pindaan kepada perkara (B.0210 perbincangan nombor 1) yang menyatakan "terdapat persoalan kepada cara penilaian" perlu ditukarkan kepada "terdapat persoalan kepada penamaan program".

Pengerusi juga memaklumkan bahawa minit mesyuarat ke 34 bilangan 8/2020 telah disahkan oleh SENAT ke-264 yang berlangsung pada 3 November 2020 yang lalu. Oleh itu, pindaan ini perlu dimaklumkan di dalam mesyuarat SENAT yang seterusnya untuk diperakukan.

iv Perkara-Perkara Berbangkit - C.0058 Penawaran Program Fakulti Perakaunan di Kolej SATT Sarawak

Merujuk kepada mesyuarat ke-34 bilangan 8/2020, mesyuarat telah bersetuju supaya Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) perlu memastikan pihak fakulti Perakaunan memenuhi syarat-syarat khusus yang telah dikenalpasti oleh MQA dengan merujuk kepada surat daripada MQA kepada Kolej SATT bilangan MQA.600-2/1/6 Jld 123(4) bertarikh 31 Oktober 2019.

SHAHANUM
BINTI MD. SHAH

PERBINCANGAN

Pihak fakulti telah memberi maklumbalas bahawa, Mesyuarat antara Kolej SATT, wakil UHEK, wakil iCEPS, wakil Pengurus Utama Diploma Perakaunan dan Fakulti Perakaunan telah diadakan pada 24 Ogos 2020 secara dalam talian. Bengkel pemetaan telah dilakukan 13 dan seterusnya pada 27 November 2020 dan sebaik sahaja dokumen tersebut dilengkapkan, ianya akan dimajukan kepada pihak Kolej SATT bagi tujuan membalas surat MQA tersebut.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum berkenaan maklumbalas dari pihak fakulti. Bagi tujuan pemetaan kepada Kerangka MQF 2.0, dicadangkan supaya Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) mengambil tindakan segera bersama-sama fakulti untuk memastikan pemetaan dibuat sebelum akhir Disember 2020.

v Perkara-Perkara Berbangkit - B.0120 Permohonan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Bagi Program Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alambina / PhD in Design and Built Environment (AP992) Yang Ditawarkan di UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

PERBINCANGAN

Di dalam mesyuarat JKPPP ke 34 bilangan 8/2020, program ini telah membuat permohonan semakan kurikulum melebihi 30% perubahan. Mesyuarat telah mengambil maklum bahawa pihak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar ingin mengekalkan penggunaan nama Doktor Falsafah bagi program ini. Mesyuarat akan memajukan permohonan program ini ke SENAT untuk diperakukan dan seterusnya ke MQA untuk penyenaraian. Sekiranya permohonan ini ditolak oleh pihak MQA, pihak kampus cawangan perlu memohon untuk menukar nama dan dibawa ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) seperti yang dicadangkan oleh panel.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum bahawa permohonan ini telah diluluskan oleh SENAT ke-264 yang telah bersidang pada 3 November 2020. Permohonan program ini akan dimajukan ke MQA sebaik sahaja minit mesyuarat SENAT tersebut disahkan.

vi Perkara-Perkara Berbangkit -C.0064 Isu Berkenaan Dengan Nama Program Sarjana Muda Pengkomputeran Mudah Alih/ Bachelor of Mobile Computing (Honours) Yang Ditawarkan di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu

Program ini telah dibentangkan di dalam mesyuarat JKPPP yang telah bersidang pada 19 Oktober 2020. Mesyuarat telah mencadangkan supaya program tersebut ditukar nama dan urusan pemakluman kepada Kementerian Pengajian Tinggi perlu diuruskan oleh pihak Unit Hal Ehwal Kurikulum seterusnya surat tawaran perlu disediakan oleh Bahagian Pengambilan Pelajar dengan bantuan Bahagian Hal Ehwal Akademik.

PERBINCANGAN

Pengarah Bahagian Hal Ehwal Akademik telah memaklumkan bahawa dicadangkan:-

- i. Pelajar sedia ada program ini akan ditukarkan ke program baharu apabila selesai pertukaran nama.
- ii. Makluman kepada pihak penaja pelajar berkaitan akan dilakukan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik.
- iii. Secara lisannya, pihak Unit Jaminan Kualiti Dalaman (IQA) dimaklumkan bahawa pihak kampus sedang dalam proses membuat penukaran nama bagi program ini.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum cadangan tersebut.

vii Perkara-Perkara Berbangkit -C.0065 Senarai Nama Program MBOT

Ts Dr Noraini Seman selaku wakil Unit Hal Ehwal Akademik telah membentangkan mengenai senarai program yang telah mendapat pengiktirafan daripada MBOT. Penilaian program ini akan dilakukan oleh pihak MBOT. Mesyuarat mencadangkan supaya senarai program yang telah mendapat pengiktirafan MBOT ini dimajukan kepada pihak MQA. Pemakluman ini perlu dilakukan apabila Mesyuarat SENAT telah mengesahkan minit mesyuarat dan memperakukan minit mesyuarat JKPPP.

PERBINCANGAN

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa senarai lengkap program akademik telah diperolehi melalui emel pada 26 Oktober 2020 dari pihak UHEK dimana 21 program diploma dan 34 program sarjana muda dengan jumlah lokasinya sebanyak 104 telah diterima oleh MBOT. Dengan ini, pemakluman kepada MQA akan dilakukan setelah minit ini disahkan.

KEPUTUSAN

Mesyuarat ambil maklum atas perkara yang telah dilaporkan serta cadangan daripada TNCAA dimana untuk penilaian yang akan dilakukan oleh pihak MBOT nanti hendaklah dimajukan kepada InQKA bagi tujuan rekod.

B PELAPORAN / PEMBENTANGAN HASIL DAPATAN PENILAIAN OLEH KETUA PANEL PENILAI ATAU WAKIL

B.213 Permohonan Akreditasi Penuh Bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif (Kepujian) Produksi Filem/ Bachelor of Creative Industry Management (Hons.) Film Production -FF237 Yang Ditawarkan di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

Dokumen permohonan telah diterima oleh pihak InQKA pada 16 Jun 2020. Program ini telah mendapat Perakuan Akreditasi Sementara dari Mesyuarat Senat ke-235 bertarikh 8 Mei 2018. Penilaian Audit Lokasi secara hybrid telah dijalankan pada 21 dan 22 Oktober 2020. Program ini telah memperolehi 81 kepujian, 12 penambahbaikan dan 4 perhatian. Melalui penilaian, program ini telah memperolehi 86.60.

PERBINCANGAN

Pembentangan laporan penilaian telah dilakukan oleh Ketua Panel Penilai Program. Program ini merupakan salah satu program 2u2i. Mesyuarat telah membincangkan perkara-perkara yang terdapat di dalam kategori penambahbaikan dan perhatian.

KEPUTUSAN

Mesyuarat memperakukan permohonan Akreditasi Penuh bagi program Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif (Kepujian) Produksi Filem/ Bachelor of Creative Industry Management (Hons.) Film Production yang ditawarkan di Fakulti Filem, Teater dan Animasi, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana telah memenuhi keperluan MQF 2.0 dan permohonan ini akan dimajukan kepada SENAT untuk disahkan.

Maklumbalas Fakulti

Ketua Akreditasi Sains Sosial dan Kemanusiaan memaklumkan bahawa pihak fakulti telah memberi maklumbalas dalam tempoh yang ditetapkan dan markah baharu untuk program ini adalah 89.07.

Berikut adalah maklumbalas terkini yang diberikan oleh pihak fakulti dan disahkan oleh Ketua Panel Penilai.

Overall Finding Opportunities for Improvement

No	Clause	Standard	Evidences	Comments	Score	Action taken
1	3.3.1	Students must have access to appropriate and adequate support services, such as physical, social, financial, recreational and online facilities, academic and non-academic counselling and health services.	An evidence 3.3.1 from SUFO. 1. Sample of SuFO report FFM124	The evidence given was from only one sample, thus it is unable to justify the percentage of students' complaints.	3	The faculty will improve on this matter in the future. The sample of SUFO from various courses will also be included.
2	3.3.5	There must be mechanisms that actively identify and assist students who are in need of academic, spiritual, psychological and social support.	There is evidence of a committee responsible to assist students such as: 1. 3.3.5 (1) Laporan Mentor Mentee. 2. 3.3.5 Manual Pelajar.	Evidence of a programme conducted by ACIS on spiritual basis as well zakat, waqaf and sedekah to students was not available.	3	The faculty has established a mechanism such as database in identifying and assist students who are in need of academic, spiritual, psychological and social support.
3	5.1.3	The library or resource centre must have adequate and up-to-date reference materials and qualified staff that meet the needs of the programme and research amongst academic staff and students.	5.1.3 (a) OPAC list - pengurusan produksi filem 5.1.3 (b) List of Books FF237 Interview session with RPs Interview session with the students	FF237 has provided evidence of their 66 list of reference books and also the OPAC list of books (572 Books, 4 articles and 77 eBook) that are located in PTARPP and PTAR, with the latest books in record is year 2018. It shows that the library and resource centre has adequate and up-to-date reference materials.	3	More recent textbooks have been identified by the faculty and PTAR to meets the needs of the program. New eBook are schedule to be in the library early 2021.
4	6.1.6	The governance principles highly reflect the representation and participation of academic staff, students and other stakeholders.	Additional evidences – Laporan FMP661 Projek Kreatif Pengurusan Produksi Filem. Kumpulan 1 (FF237) dated 1 Oktober 2020.	FF237 has involved (9) industries and (13) upcoming alumni as to gather their feedback regarding the program. However, it does not yet reflect the representation and participation of academic staff, students, and other stakeholders.	3	The faculty has started to get the involvement of industry players, academic staff, students and other stakeholders to improve the program.
5	7.1.5	The department must make the program review report accessible to stakeholders.	7.1.4 (a) Maklumbalas Penangguhan Semakan Kurikulum Program Sedia Ada FiTA by UHEK dated 26/2/2019 (600 HEA (UHEK 3/11))	As FF237 has not conducted their program review yet (embarked on Sept 2017) therefore no report is available and accessible for stakeholders.	3	The faculty has schedule a curriculum review for FF237 in December 2020. The report also will be accessible to all stakeholders once ready.
6	7.1.6	Various aspects of student performance, progression, attrition, graduation and employment must be analyzed for the purpose of continual quality improvement.	7.1.6 (a) CDL CQI reports September 2018 - Mac 2019 7.1.6 (a) CDL CQI reports for FF237 March - September 2020 is provided with the report dated 20 October 2020	FiTA conducted their student performance and progression analysis through CDL-CQI report. The CDL-CQI report for 10 Bachelor Degree (Hons) programs are provided as evidence. During the site visit-online audit, only the FF237 CDL_CQI report for the semester March-July 2020 is provided with dated 20 October 2020. The FF237 report has been analyzed for the purpose of its continual quality improvement. If more than 80% of courses have the analysis, the score could be commendation.	3	The faculty has taken note on this matter. CDL_CQI report will be done for the every semester and the report will be analyzed for the purpose of its continual quality improvement.

7	7.1.8	The findings of a programme review must be presented to the HEP for its attention and further action.	7.1.8 (a) Laporan minit bersama industri 2u1i dated 10 April 2019 7.1.8 (b) Minit mesyuarat JAF bil ke-18 dated 7 September 2018. *not sign yet 7.1.8 (c) Carta Alir semakan kurikulum UiTM 7.1.8 (d) Carta alir JKIKU	FF237 has not yet conducted the programme review therefore they have not presented any findings on this matter.	3	The faculty has schedule a curriculum review for FF237 in December 2020. The report also will be accessible to all stakeholders once ready
---	-------	---	---	---	---	--

Overall Finding Area of Concern

No	Clause	Standard	Evidence	Comments	Score	Action Taken
1.	3.2.2	The department must ensure that the incoming transfer students have the capacity to successfully follow the program.	No evidence available.	If this is not applicable to your program who will be the feeder of this program besides UiTM Diploma holders? What about Diploma from other colleges, polytechnics or TVET? It is advisable to look into this matter in the future.	2	The faculty has taken note on this matter. The faculty will team up and liaise with Bahagian Pengambilan Pelajar to promote this program not only to UiTM Diploma holder, but also to IPTS and other IPTA
2.	7.1.9	There must be an integral link between the departmental quality assurance processes and the achievement of the institutional purpose.	7.1.9 (a) Surat lantikan KUK 7.1.9 (b) Carta alir semakan kurikulum UiTM 7.1.9 (c) ER report 2016 7.1.9 SRR 2017-2018 FiTA	There is no evidences of the Objective Quality been analyzed and only CDL-CQI report are available, hence, no evidences of cross referencing between Objective Quality analysis and the CDL-CQI analysis are provided to show the link between the departmental QA and the achievement of the institutional purpose.	2	The faculty has taken note on this matter. CDL_CQI report will be done for the every semester and the report will be analyzed for the purpose of its continual quality improvement.

B.215 Permohonan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Bagi Program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Marin/ Bachelor of Science (Hons.) Marine Technology -AS254 Yang Ditawarkan di UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau

Permohonan program ini telah diterima oleh pihak InQKA pada 2 Oktober 2020. Penilaian dokumen ini telah mendapat 91.1 dengan 18 kepujian. Permohonan ini melibatkan perubahan nama dari Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Marin diubah kepada Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Marin Lestari. Perubahan nama dalam Bahasa Inggeris *Bachelor of Science (Hons.) Marine Technology* diubah menjadi *Bachelor of Science (Hons.) Sustainable Marine Technology*.

PERBINCANGAN

Laporan penilaian program telah dibentangkan oleh Ketua Panel Penilai. Semakan ini juga mengambil kira SDG 14: *Life Below Water* sebagai kandungan silibus program. Ketua Panel Penilai memaklumkan bahawa semakan ini tidak melibatkan kepada perubahan jumlah semester tetapi ada satu semester pendek yang diperuntukkan untuk pengagihan jam kredit antara semester 2 dan 3 bagi tidak membebaskan pelajar.

PM Ts. Dr. Wan Abdul Rahim Wan Mohd Isa, Ketua Kurikulum Akademik juga memaklumkan permohonan perubahan nama masih lagi belum mendapat kelulusan KPT oleh kerana mesyuarat yang dijadualkan telah ditangguh ke 17 November 2020. Disamping itu juga program ini juga telah memperolehi pengiktirafan MBOT.

Pengerusi juga memaklumkan kepada semua ahli yang hadir berkaitan kepentingan pemetaan Kerangka MQF 2.0 untuk semua program akademik.

KEPUTUSAN

Mesyuarat memperakukan permohonan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan bagi program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Marin/ *Bachelor of Science (Hons.) Marine Technology* yang ditawarkan di UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau telah memenuhi keperluan MQF 2.0 dan permohonan ini akan dimajukan kepada SENAT untuk disahkan.

Maklumbalas Fakulti

Mesyuarat dimaklumkan oleh Ketua Panel Penilai tidak memerlukan apa-apa maklumbalas daripada pihak fakulti.

B.214 Permohonan Akreditasi Penuh Bagi Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Kepujian) Agronomi / *Bachelor of Science Agrotechnology (Hons) Agronomy* -AT222 yang dijalankan di UiTM Cawangan Melaka kampus Jasin

Permohonan program ini telah diterima oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) pada 16 Jun 2020. Program ini telah mendapat kelulusan memulakan program daripada Jabatan Pendidikan Tinggi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi bilangan 7/2015 yang telah bersidang pada 12 November 2015. Program ini juga telah mendapat Perakuan Akreditasi Sementara dari Mesyuarat SENAT ke-231 bertarikh 9 Januari 2018. Penilaian program ini telah diadakan pada 26 dan 27 Oktober 2020 secara dalam talian. Program ini telah memperolehi 90 dengan 94 kepujian dan 4 penambahbaikan.

PERBINCANGAN

Ketua Panel Penilai membentangkan laporan penilaian yang telah dilakukan. Mesyuarat membincangkan perkara yang berkaitan dengan penambahbaikan untuk program ini. Di antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai jumlah staf yang menguruskan ladang tidak mencukupi.

Dekan fakulti yang turut hadir memberi maklumbalas dimana fakulti mengambil Pekerja Sambilan Harian (PSH) bagi mengatasi masalah berkenaan. Fakulti juga memberi peluang kepada staf lain seperti pembantu makmal untuk bekerja secara lebih masa selepas waktu kerja untuk membantu menguruskan ladang milik fakulti. Staf akademik fakulti juga turut dilantik sebagai Penyelaras Ladang bagi memastikan pengurusan perancangan dan pembangunan serta aktiviti pengurusan ladang teratur.

Prof. Madya Dr. Tsan Fui Ying selaku Pakar Bidang memberi ulasan berkenaan konsep latihan praktikal. Beliau mencadangkan supaya ada kerjasama dengan pihak industri untuk memastikan pelajar yang menjalani latihan praktikal mempunyai kursus yang berkaitan. Pengerusi mencadangkan supaya pihak fakulti boleh melihat Fakulti Filem, Teater dan Animasi berkenaan konsep 2u2i.

KEPUTUSAN

Mesyuarat memperakukan permohonan Akreditasi Penuh bagi program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Kepujian) Agronomi / *Bachelor of Science Agrotechnology (Hons) Agronomy* yang dijalankan di UiTM Cawangan Melaka kampus Jasin telah memenuhi keperluan MQF 2.0 dan permohonan ini akan dimajukan kepada SENAT untuk disahkan.

***Maklumbalas fakulti**

